

UM 25 NOV 1996

Keganasan penyokong Keadilan 23 akan terus ditayangkan

JOHOR BAHRU 24 Nov. — Barisan Nasional (BN) akan terus menayangkan keganasan penyokong Parti Keadilan untuk mengingatkan rakyat betapa pentingnya perpaduan dan keamanan negara serta menolak rusuhan.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rusuhan adalah cara Keadilan dan "kita akan terus menunjukkan keganasan mereka."

Beliau berkata, mereka (pembangkang) tidak menghormati pihak yang menguatkuasakan undang-undang, polis ditugas menjaga keamanan dan bukan untuk menindas mereka.

"Tetapi penyokong dari parti Keadilan dan parti lain memukul polis. Mereka (pembangkang) sedikit pun merasa tidak terhutang budi kepada polis yang menjaga keamanan kita.

"Keadaan kita selamat sekarang, adalah sebab kita mempunyai pasukan polis yang cekap," kata Dr. Mahathir ketika berucap di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pu Xze, Skudai di sini hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, parti pembangkang terlupa, ketika rusuhan yang mereka lakukan dahulu telah mendapat perhatian media asing.

"Malangnya mereka tidak protes tetapi gembira kerana gambar rusuhan ditunjuk seluruh dunia. Hari ini bila kita tunjuk gambar yang sama, mereka (pembangkang) kata kita hendak takutkan rakyat.

"Bila menguntungkan mereka (pembangkang) perlu ditunjuk seberapa kerap yang boleh, tetapi hari ini apabila kita tunjuk gambar rusuhan, mereka rasa rakyat tidak akan mengundi mereka," jelas beliau.

Dr. Mahathir mengingatkan pengundi supaya jangan salah mengundi kerana ia akan mengundang masalah seperti yang di Kelantan dan Sabah sebelum ini.